

30 DEC 2002

SOROTAN-EKONOMI/I

M'SIA MENUJU PERTUMBUHAN KDNK YANG KUKUH PADA 2002 & 2003

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Berbanding banyak negara jiran yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang kurang menggalakkan, prospek ekonomi Malaysia tahun ini terus berada di landasan yang mantap hasil kekukuhan harga minyak sawit dan minyak mentah serta kebingkasan ekonomi dalam negara, kata ahli ekonomi.

"Sektor pertanian dan perlombongan telah menjadi sektor pengukuh pada suku ketiga (tahun ini) dan ia akan melakukannya sekali lagi pada suku berikutnya. Asas yang rendah pada suku sebelumnya tahun lepas juga merupakan faktor penyumbang kepada pertumbuhan tahun ini," kata seorang pengurus penyelidik.

Perbelanjaan pengguna turut menjadi faktor pengembangan ekonomi pada separuh pertama 2002 dengan langkah para bank menyalurkan semula kredit kepada isi rumah dan dengan kadar faedah tempatan yang kekal rendah, kata seorang ahli ekonomi.

"Faktor ini akan terus berkembang pada suku terakhir disebabkan oleh musim perayaan dan perbelanjaan kembali ke sekolah," kata beliau.

Ahli ekonomi SJ Securities, Anthony Dass, meramalkan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 4.2 peratus pada 2002 dengan unjuran 6.2 peratus pertumbuhan pada suku keempat tahun ini.

Faktor-faktor yang akan mendorong ekonomi untuk terus berkembang pada suku terakhir, kata beliau, ialah perbelanjaan berterusan dalam negara yang teguh terutamanya di musim perayaan, peningkatan dalam aktiviti pelaburan iaitu dalam sektor telekomunikasi dan peralatan pejabat, serta sektor minyak dan gas, yang dibantu oleh kadar perkembangan mapan pertumbuhan eksport.

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menjangka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan berkembang sebanyak 5.4 peratus pada suku keempat tahun ini berbanding dengan 5.6 peratus pada suku ketiga.

Meskipun petunjuk ekonomi menunjukkan sedikit penurunan bagi pertumbuhan suku keempat, pertumbuhan keseluruhan KDNK sebanyak 4.0 peratus bagi 2002 masih boleh dicapai, kata pengarah eksekutif MIER, Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem.

Dalam tiga suku sebelumnya tahun ini, KDNK negara telah, secara beransur-ansur, berkembang masing-masing pada 1.1 peratus, 3.9 peratus dan 5.6 peratus.

Terdahulu pada tahun ini, beberapa pihak Malaysia mengunjurkan bahawa KDNK negara akan berkembang pada 4.0 peratus untuk tahun ini dan pada 6.0 hingga 6.5 peratus pada 2003. Tahun lepas, negara mampu mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 0.4 peratus meskipun kesukaran yang dialami dalam ekonomi selepas kejadian serangan 11 Sept.

Bank Dunia juga optimistik mengenai tinjauan ekonomi negara, meletakkan pertumbuhan tahun ini pada kira-kira 3.5 peratus dan naik kepada lima peratus pada 2003.

Bagaimanapun, beberapa ahli ekonomi berkongsi kebimbangan bahawa tinjauan yang lebih suram bagi ekonomi dunia yang mungkin akan berlaku tahun depan akan menyebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia berada di tahap sederhana pada 2003.

MIER mengunjurkan bahawa pertumbuhan KDNK Malaysia tahun depan adalah pada 5.7 peratus. Dr Mohamed Ariff berkata ekonomi dunia dijangka bertambah baik pada 2003 dengan ekonomi Amerika Syarikat kembali naik, dan Eropah dan Jepun mencatatkan pertumbuhan yang baik. Ini disebabkan terutamanya oleh

eksport elektronik dan elektrik serta harga minyak sawit yang semakin meningkat.

Dr Mohamed Ariff juga berkata bahawa memandangkan ketidak tentuan dalam arena dunia, rangsangan oleh kerajaan untuk ekonomi amat diperlukan sekiranya Malaysia mahu mencapai sasaran kadar pertumbuhannya tahun depan.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan bahawa satu lagi pakej rangsangan akan diadakan apabila beliau menyatakan bahawa kerajaan mempunyai beberapa strategi.

Menteri Kewangan II Datuk Jamaludin Jarjis berkata langkah rangsangan itu adalah perlu bagi mengimbangi pengaruh negatif. Tahun lepas, kerajaan membelanjakan RM7.3 bilion melalui dua pakej rangsangan.

"Kita (kerajaan) akan terus memainkan peranan kami," kata Jamaludin. Beliau menambah bahawa Dr Mahathir, sebagai menteri kewangan, akan membuat keputusan mengenai pakej rangsangan berkenaan pada 2003.

Dass, dari SJ Securities, berkata 2003 "menawarkan senario yang sukar memandangkan pemulihan Amerika Syarikat mengalami keadaan tidak menentu."

"Kejutan yang berulang timbul di luar negara mungkin akan menjejaskan ekonomi dalam negara," katanya.

"Saya percaya ekonomi Malaysia akan mengalami keadaan yang sukar tahun depan. Walaupun terdapat ruang untuk pertumbuhan dalam ekonomi, saya masih merasakan bahawa terdapat bidang tertentu yang perlu diberi perhatian dalam ekonomi."

Bagaimanapun, Dass mengunjurkan bahawa Malaysia akan menikmati harga yang baik tahun depan bagi dua komoditi utama iaitu minyak sawit dan minyak mentah.

Bagi minyak sawit, beliau menjangkakan ia akan bergerak sekitar RM1,400 setonne manakala bagi minyak mentah, sekiranya berlaku peperangan di Iraq, harga akan naik setinggi AS\$40 setong tetapi akan segera diperbaiki dan jatuh kembali pada purata AS\$28-AS\$30 setong. -- BERNAMA

MAD SHY NHD JR